



PANDUAN PEPERIKSAAN MEMASUKI PERKHIDMATAN

AHLI FOTOGRAFI GRED B27



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

PEPERIKSAAN MEMASUKI PERKHIDMATAN AHLI FOTOGRAFI GRED B27

ARAHAN KEPADA CALON

1. Pada hari peperiksaan calon hendaklah membawa:
 - a. Surat panggilan menduduki peperiksaan;
 - b. Kad pengenalan
 - c. Alat tulis; pensel 2B, pen, pembaris, pemadam dan peralatan lain yang difikirkan perlu.
2. Calon perlu mematuhi arahan Ketua Pengawas.
3. Calon perlu berada di pusat peperiksaan **tiga puluh (30) minit** sebelum peperiksaan bermula.
4. Calon dilarang berkomunikasi sesama sendiri. Angkat tangan jika ada masalah atau pertanyaan.
5. Kamera Digital (DSLR) perlu dibawa sendiri oleh setiap calon.
6. Anda juga boleh membawa peralatan (*accessories*) lain yang difikir perlu untuk tujuan peperiksaan amali.
7. Kamera automatik yang merangkumi flash dan kemudahan dalaman lain **tidak** digalakkan.
8. Calon hanya dibenarkan meninggalkan pusat peperiksaan apabila diarah oleh Ketua Pengawas.
9. Calon mesti berpakaian kemas, sopan dan tidak menjolok mata.

PANDUAN UMUM KEPADA CALON

Peperiksaan ini mengandungi **dua** (2) bahagian iaitu :

Bahagian I	-	Amali
Bahagian II	-	Bertulis

BAHAGIAN I - AMALI

Bahagian ini terbahagi kepada 2 seksyen, calon-calon dikehendaki memilih salah **satu** daripada seksyen berikut :

Seksyen A : Fotografi (Kamera Pegun) ; **atau**
Seksyen B : Videografi (Kamera Video)

Seksyen A

Soalan-soalan yang akan ditanya adalah untuk menguji bakat, kebolehan dan kreativiti calon dalam bidang fotografi. Calon-calon dikehendaki mengambil gambar berdasarkan kepada 2 tajuk berkaitan dengan objek dan potret. Bagi setiap tajuk, calon-calon dibenarkan mengambil **lima** (5) *snapshot* sahaja.

Penilaian adalah berdasarkan kepada **SETIAP** keping gambar yang diambil.

Penilaian adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut :-

- a) Teknik Fotografi
- b) Komposisi
- c) Mesej

Masa : ½ jam
Bilangan Soalan : 2 (jawab semua)

Perhatian :

Bagi Seksyen A, calon-calon dikehendaki menyediakan kamera sendiri iaitu jenis **kamera Digital (DSLR)** dengan lensa yang boleh ditukar (interchangeable lens) dan flash berasingan. Calon-calon juga boleh membawa peralatan (aksesori) lain yang difikirkan perlu untuk tujuan ujian amali ini. Kamera automatik yang mengandungi flash dan kemudahan dalaman yang lain **tidak dibenarkan**.

CONTOH SOALAN :

Gambarkan suatu keadaan yang menunjukkan semangat kerja berpasukan.

Seksyen B

Soalan-soalan yang akan ditanya adalah untuk menguji bakat, kebolehan dan kreativiti calon dalam bidang videografi. Calon-calon dikehendaki membuat **satu** liputan daripada 2 tajuk yang disediakan. Calon-calon diberikan masa 15 minit untuk membuat liputan tersebut. Penilaian adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut :-

- (a) Teknik Videografi
- (b) Mesej
- (c) Komposisi

Soalan : 2 (jawab satu)
Masa : 15 minit

Perhatian :

Bagi Seksyen B, kamera video akan disediakan oleh pihak Jabatan.

CONTOH SOALAN :

Kawalan Keselamatan di stesen penyiaran.

BAHAGIAN II - BERTULIS

Mengandungi **dua** seksyen iaitu :

Seksyen A - Pengetahuan Am dan Asas Fotografi
Seksyen B - Analisa Gambar

Seksyen A - Pengetahuan Am dan Asas Fotografi

Soalan-soalan adalah berhubung dengan perkara-perkara berikut:

- (a) Pengetahuan Am
 - (i) Dasar-dasar Kerajaan;
 - (ii) Kenegaraan;
 - (iii) Ehwat Semasa.

- (b) Asas Fotografi
 - (i) Kamera;
 - (ii) Filem;
 - (iii) Cahaya;
 - (iv) Warna;
 - (v) Prinsip dan elemen Komposisi;
 - (vi) Peralatan dan bahan.

Masa : 1 jam
Soalan : 60 (aneka pilihan)

CONTOH SOALAN :

Fungsi iris yang terdapat pada kamera adalah untuk

- A. mengawal tempoh cahaya masuk ke kamera.
- B. mengawal kadar cahaya masuk ke kamera.**
- C. mengawal kelajuan pergerakan filem/pita.
- D. menentukan jumlah pita yang digunakan.

Seksyen B - Analisa Gambar


Soalan-soalan adalah berkaitan dengan penganalisan **4 keping** gambar. **Setiap keping gambar** dinilai berdasarkan aspek-aspek berikut :

- (i) Komposisi
- (ii) Teknik Fotografi
- (iii) Mesej

Soalan : 4
Masa : 1 jam

CONTOH SOALAN :

GAMBAR A



NOTA:

Calon-calon yang lulus Bahagian I (Amali) sahaja akan dipanggil untuk menduduki Bahagian II (Bertulis).